

**Pemilih Di Luar Negara Berpeluang Mengundi Pada PRYU-13**  
**Bername**  
**8 Oktober, 2012**

PUTRAJAYA, 8 Okt (Bernama) -- Pindaan peraturan mengenai pilihan raya bersabit pemilih di luar negara menjadi pengundi pos akan dibentang pada persidangan Dewan Rakyat yang sedang berlangsung.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata pindaan itu adalah syarat tambahan yang menuntut rakyat Malaysia di perantauan berada di tanah air sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun sebelum Parlimen dibubar, untuk layak menjadi pengundi pos.

Pejabat Peguam Negara telah memberi maklum balas bahawa cadangan pindaan pada peraturan itu tidak memerlukan pindaan Perlembagaan dan undang-undang berkait.

Sehubungan itu SPR akan membentangkan cadangan pindaan terhadap borang dan peraturan pada persidangan Parlimen yang berlangsung sekarang, kata Abdul Aziz kepada pemberita, di sini Isnin.

Ini bermakna jika diluluskan, rakyat Malaysia yang berada di luar negara dan memenuhi syarat akan layak membuang undi sebagai pengundi pos pada pilihan raya umum ke-13.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700460>